

## Percampuran Kod dalam Filem Polis Evo 3 (2023) Karya Syafiq Yusof

Johnathon Driver dan Rosnah Mustafa\*

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Received 24 October 2025, Revised 22 June 2026, Accepted 24 June 2026, Published 30 June 2026

\*Corresponding author's email: mrosnah@unimas.my

---

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji fenomena percampuran kod dalam filem di Malaysia khususnya dalam filem aksi tempatan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis percampuran kod dalam dialog filem Polis Evo 3 (2023) karya Syafiq Yusof dengan menggunakan teori oleh Hamers dan Blanc (2000), dan seterusnya membincangkan fungsi penggunaan percampuran kod dalam filem tersebut menggunakan teori Muysken (2000). Bagi mencapai tujuan kajian, filem ini telah diulang tonton sebanyak tiga kali, dan dialog antara watak ditranskripsi, berserta minit bahagian percampuran kod juga direkodkan. Dapatan daripada transkripsi kemudian dianalisis mengikut objektif kajian menggunakan kod warna bagi setiap objektif. Hasil dapatan kajian menunjukkan percampuran kod kerap berlaku dalam filem ini. Watak-watak dalam filem ini mencampurkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dan juga dialek Melayu Terengganu. Percampuran kod jenis luaran merupakan jenis percampuran kod yang paling dominan digunakan dalam filem ini. Fungsi percampuran kod yang kerap digunakan ialah fungsi pernyataan, manakala fungsi percampuran kod yang paling kurang digunakan ialah fungsi undangan. Sebagai rumusan, dapatan kajian menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod berlaku dengan dalam kalangan masyarakat yang boleh menuturkan lebih dari satu bahasa dan ianya turut hadir dalam skrip filem.

**Kata Kunci:** Percampuran kod, Filem Melayu, Dialek, Polis Evo 3, Fungsi percampuran kod

### Abstract

This study was conducted to examine code mixing in Malaysian films, particularly in local action films. The objective of this study is to identify the types of code mixing in the dialogue of the film Polis Evo 3 (2023) by Syafiq Yusof, using the theory proposed by Hamers and Blanc (2000), and subsequently to discuss the functions of code mixing in the film using Muysken's (2000) theory. To achieve the study's aim, the film was watched three times, and the dialogue between characters was transcribed, along with timestamps for instances of code mixing. The data obtained from the transcription were then colour-coded and analysed according to the specific research objectives. The findings show that code mixing occurs frequently in this film. The characters in the film mix Malay with English as well as the Terengganu Malay dialect. External code mixing was found to be the most dominant type used in the film. The most frequently used function of code mixing is the declarative function, while the least frequently used is the directive (invitation) function. In conclusion, the findings indicate that the phenomenon of code mixing occurs among multilingual speakers and is also present in film scripts.

**Keywords:** Code Mixing, Malay Film, Dialect, Polis Evo 3, Functions of Code Mixing

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

---

## 1. PENGENALAN

Bahasa merupakan kebolehan semula jadi manusia yang terdiri daripada sistem simbol bunyi yang telah ditetapkan secara arbitrari dan digunakan oleh ahli masyarakat untuk tujuan komunikasi, sama ada dalam bentuk tulisan mahupun dalam pertuturan. Di Malaysia, Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan negara dengan jelas menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (Jabatan Peguam Negara, 2010). Masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu alat perpaduan yang menyatukan rakyat. Walau bagaimanapun, umum mengetahui bahawa dalam masyarakat yang boleh menguasai dua atau lebih bahasa atau dialek, percampuran kod tidak dapat dielakkan. Jenis percampuran bahasa juga boleh menunjukkan tahap pendidikan, kerjaya dan kedudukan seseorang dalam komuniti. Percampuran kod merupakan pertukaran bahasa daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan. Dalam istilah biasa, percampuran kod juga dikenali sebagai bahasa rojak (Mahmor et al., 2016). Menurutny lagi, bahasa rojak ini ditafsirkan sebagai satu komunikasi dan penyampaian maklumat yang sering berlaku dalam pertuturan tidak formal.

Banyak kajian lepas telah meneliti percampuran dari pelbagai aspek dan sumber seperti teks dalam karangan pelajar, karya-karya penulisan seperti novel, dan terdapat juga penelitian percampuran kod dalam video digital seperti filem dan drama. Misalnya, kajian oleh Chen (2005), Thongsombat et al. (2021), Hakim et al. (2021), Halim et al. (2020), Mahmor et al. (2016) serta kajian oleh Bakar dan Dahlan (2018). Walaupun percampuran kod adalah suatu fenomena yang biasa dalam masyarakat dwi atau multibahasa, Shafie dan Nasir (2022) menegaskan bahawa fenomena percampuran kod tidak boleh dianggap remeh kerana ia berpotensi untuk mengubah serta mempengaruhi tatabahasa sesuatu bahasa. Mereka berpendapat bahawa martabat dan kewibawaan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan boleh terjejas. Oleh itu, kajian berterusan yang meneliti percampuran kod mempunyai kepentingan kerana ia mencerminkan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat penuturnya secara umum tetapi jelas.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana percampuran kod ini hadir dalam senario perfileman di negara kita. Kajian percampuran kod dalam filem biasanya memfokus kepada percampuran bahasa Melayu dan Inggeris, tanpa melibatkan penelitian terhadap penggunaan dialek. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk meneliti percampuran kod yang terdapat dalam filem Polis Evo 3 kerana pengaruhnya yang signifikan serta mempunyai penggunaan dialek Melayu Terengganu. Filem ini dikaji kerana ia merupakan filem *blockbuster* Malaysia yang berjaya mengutip kutipan sebanyak melebihi RM50 juta dalam masa kurang daripada sebulan selepas ditayangkan (Begum, 2023), menjadikannya salah satu filem tempatan paling berjaya di Malaysia, selain dari Mat Kilau (Hsia, 2023). Selain itu, filem aksi ataupun *blockbuster* yang mengandungi penggunaan dialek dalam filem juga kurang diteliti dan dikaji. Objektif kajian ini adalah untuk (1) mengenal pasti jenis percampuran kod dalam dialog filem Polis Evo 3 (2023) karya Syafiq Yusof, dan (2) menganalisis fungsi penggunaan percampuran kod dalam filem Polis Evo 3 (2023) karya Syafiq Yusof.

## 2. KAJIAN LEPAS

### Percampuran Kod

Menurut Bokamba (1989), percampuran kod merupakan percampuran perkataan, frasa dan ayat daripada dua sistem nahu yang berbeza malah melangkaui sempadan ayat dalam sesebuah pertuturan. Percampuran kod merupakan fenomena biasa dalam masyarakat yang menuturkan lebih daripada satu bahasa ataupun dikenali sebagai masyarakat bilingual ataupun multilingual. Di Malaysia, percampuran kod cenderung berlaku kerana rakyatnya yang terdiri daripada berbilang bangsa, malah terdapat juga kepelbagaian dialek daerah ataupun dialek negeri yang dituturkan. Menariknya, percampuran kod bukan hanya berlaku dalam komunikasi antara penutur, namun ia juga hadir dalam teks seperti novel, cerpen, filem, media sosial dan sebagainya.

Kajian oleh Azahari dan Mohamad (2023) membincangkan fenomena percampuran kod dalam perbualan antara Yuna, iaitu penyanyi terkenal dari Malaysia dengan seorang penggiat muzik tempatan. Dalam kajian tersebut, pengkaji menggunakan teori Hoffmann (1991) untuk mengkategorikan fungsi percampuran kod yang terjadi antara Yuna dengan hos program tersebut. Data temu bual selama 40 minit telah ditranskripsi dengan menggunakan aplikasi penukar suara ke teks. Dapatan kajian mendapati Yuna paling kerap menggunakan percampuran jenis sisipan, iaitu sebanyak 33 kali, diikuti selang-seli sebanyak 18 kali dan kongruen leksikal sebanyak 13 kali. Antara sebab utama penggunaan percampuran kod termasuk menyatakan identiti, menjelaskan maklumat dan mengulangi untuk kejelasan. Penggunaan partikel seperti "lah" dan unsur bahasa Inggeris menyerlahkan identiti Yuna sebagai rakyat Malaysia dan ia berfungsi untuk memudahkan komunikasi.

Hakim et al. (2021) pula menjalankan kajian untuk meneliti percampuran kod dalam kalangan peniaga dalam talian di media sosial Instagram dalam konteks pengiklanan produk kecantikan dan kesihatan. Pengkaji menggunakan teori oleh Kanthimathi (2007) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa fungsi utama dalam percampuran kod, iaitu fungsi sikap, pengenalan gaya bahasa, ekspresif, memberi arahan, pengulangan, sosialisasi, rujukan, instrumental, dan pendedahan kepada bahasa asing. Kaedah analisis kandungan digunakan sebagai teknik utama untuk mengumpul dan menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fungsi percampuran kod yang paling dominan ialah fungsi sikap dan memberi arahan. Peniaga cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam frasa seperti "*swipe up*" dan "*makeup*" untuk menampilkan imej yang moden serta menarik perhatian pengguna. Fungsi memberi arahan pula digunakan bagi mendorong pembelian dengan kata-kata seperti "*try this product*" dan "*get yours now*". Kajian ini turut mendapati wujudnya fungsi ekspresif, pengulangan dan sosialisasi dalam penggunaan percampuran kod, yang berperanan menyampaikan emosi serta mewujudkan hubungan mesra antara penjual dan pelanggan. Namun begitu, fungsi instrumental tidak ditemui dalam data kajian ini.

Dalam dunia hiburan, filem atau drama merupakan satu bentuk hiburan yang paling dekat dengan masyarakat. Menurut Wahab (2023), filem merupakan salah satu wahana penting yang cukup terkenal dalam menyampaikan sesuatu cerita yang pelbagai genre, menerapkan kepelbagaian plot menarik, serta mengandungi seribu satu pengajaran yang dapat diambil. Jonit (2007) pula berpendapat filem sangat signifikan kerana medium ini berperanan penting terhadap masyarakat, terutama sekali dalam menyampaikan berita atau informasi yang baharu sebagai pengajaran dan ilmu pengetahuan dan seumpamanya. Banyak kajian lepas yang berkaitan dengan percampuran kod dalam filem telah dijalankan, misalnya, Bakar dan Dahlan (2018) telah menjalankan kajian tentang percampuran kod bahasa dalam filem *J Revolution* (2017). Kajian tersebut bertujuan menilai kesan fenomena ini terhadap usaha memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dengan mengambil kira tanggungjawab penggiat seni menjaga kedaulatan bahasa rasmi negara. Dari perspektif teori, kajian ini menggunakan konsep asas seperti yang dijelaskan oleh Bokamba (1989) dan Hamers dan Blanc (2000) yang membahagikan percampuran kod kepada dua kategori utama, iaitu percampuran kod luaran dan percampuran kod dalaman. Filem tersebut dianalisis secara terperinci menggunakan teknik analisis teks. Dapatan kajian menemukan 161 penggunaan percampuran kod luaran dan 35 percampuran kod dalaman dalam dialog filem tersebut. Penggunaan campuran kod bahasa ini didapati dipengaruhi oleh faktor sosial penutur seperti pendidikan, pendedahan kepada budaya asing dan latar belakang geografi. Contohnya, mereka yang dibesarkan dalam persekitaran bandar atau terdedah kepada media bahasa asing lebih cenderung menggunakan gabungan kod luaran. Sebaliknya, percampuran kod dalaman adalah lebih biasa dalam kalangan mereka yang dibesarkan di luar bandar dan lebih terdedah kepada dialek tempatan.

Selain itu, kajian oleh Noor dan Suhaimi (2021) tertumpu kepada fenomena percampuran kod dialek ekspresif dalam filem *Polis Evo* karya Ghaz Abu Bakar. Dalam kajian ini, teori Kanthimathi (2007) telah digunakan untuk mengkategorikan fungsi percampuran kod. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat lima fungsi percampuran kod daripada lapan fungsi yang berlaku dalam filem tersebut, iaitu (1) ekspresif bimbang, (2) ekspresif kehendak, (3) ekspresif enggan, (4) ekspresif maaf, dan (5) ekspresif hairan.

Kesimpulannya, fenomena percampuran kod sering berlaku dalam masyarakat dwi atau mutibahasa, sama ada dalam komunikasi lisan, penulisan, drama dan juga dalam bidang perfileman. Kajian percampuran kod dalam filem masih mempunyai ruang untuk diterokai, khususnya melibatkan aspek penggunaan bahasa dan dialek.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif bersifat deskriptif. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih filem Polis Evo 3 karya Syafiq Yusof dan menggunakan analisis teks. Menurut Jasmi (2012), pengumpulan data melalui analisis teks dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Bagi memastikan data daripada teks adalah tepat, maka filem ini telah diulang tonton sebanyak tiga kali dan dialog antara watak ditranskrip, berserta minit bahagian percampuran kod juga direkodkan. Kod warna diberikan kepada data untuk kedua-dua objektif. Untuk kerangka Hamers dan Blanc (2000), pengkaji menandai data-data yang diperolehi dengan menggunakan dua pen penyerlah bagi mengkategorikan data-data tersebut kepada dua jenis percampuran kod yakni data untuk percampuran kod luaran menggunakan pen penyerlah berwarna jingga, manakala data untuk percampuran kod dalaman menggunakan pen penyerlah berwarna hijau muda. Bagi kerangka Muysken (2000) pula, yakni fungsi percampuran kod, pengkaji menggunakan lapan pen berwarna yang berbeza untuk menggariskan dan mengkategorikan data-data tersebut.

Kajian ini menggunakan tipologi yang dikemukakan oleh Hamers dan Blanc (2000) dan Muysken (2000) sebagai kerangka teori kajian. Kerangka kerja Hamers dan Blanc (2000) digunakan untuk menjawab objektif pertama mengenai jenis-jenis percampuran kod dalam filem Polis Evo 3. Hamers dan Blanc (2000) menjelaskan bahawa percampuran kod terbahagi kepada tiga jenis, iaitu percampuran kod luaran, percampuran kod dalaman dan percampuran kod tambahan. Namun bagi kajian ini, pengkaji hanya memfokus kepada dua jenis percampuran kod, yakni percampuran kod dalaman dan percampuran kod luaran. Seterusnya, kerangka kerja Muysken (2000) pula digunakan untuk menganalisis fungsi percampuran kod dalam filem tersebut. Terdapat lapan fungsi percampuran kod yang diperkenalkan oleh Muysken (2000), iaitu; (1) pernyataan, (2) pemberitahuan, (3) sindiran, (4) pengesahan, (5) ucapan selamat dan galakan, (6) pertanyaan, (7) undangan, dan (8) permintaan. Berikut merupakan contoh ayat bagi setiap fungsi dari kajian Shafie dan Nasir (2022) yang digunakan sebagai panduan setiap fungsi.

Jadual 1. Contoh ayat bagi setiap fungsi

Bil	Fungsi Percampuran Kod	Contoh
1.	Pernyataan	Harga kilang, sesape minat bisnes bolehlah kesini, 逛一逛.  <b>Terjemahan:</b> Harga kilang, sesiapa yang minat berniaga boleh datang ke sini, <i>membeli-belah</i> .  (Shafie & Nasir, 2022)
2.	Pemberitahuan	Assalamualaikum. Ni group utk tingshuo: Giliran. Assalamualaikum, biaoyan ikut nombor soalan. 好好准备哦!  <b>Terjemahan:</b> Assalamualaikum, ini adalah pembahagian kumpulan untuk kelas pendengaran dan pembentangan oral: mengikut Giliran nombor soalan. Sila membuat persiapan dengan baik!  (Shafie & Nasir, 2022)

3.	Sindiran	Phone yang 公共 tu mohon jadi admin haha.  <b>Terjemahan:</b> Kepada telefon milik awam tu, mohon jadi pengurus, haha. (Shafie & Nasir, 2022)
4.	Pengesahan	我的母校是在 Qiraati Pasir Tumboh, besut. Raso betul doh ayat..kalu saloh tegur.  <b>Terjemahan:</b> <i>Alma mater saya adalah di Qiraati Pasir Tumbuh, Besut. Saya rasa ayat ini adalah betul. Sila tegur sekiranya salah.</i> (Shafie & Nasir, 2022)
5.	Ucapan Selamat dan galakan	祝你生日快乐班长! semoga jadi anak yg soleh dan memberi manfaat kpd agama, negara dan bangsa.  <b>Terjemahan:</b> <i>Selamat hari jadi kepada ketua kelas! Semoga menjadi anak yang soleh dan memberi manfaat kepada agama, negara dan bangsa.</i> (Shafie & Nasir, 2022)
6.	Pertanyaan	Guys, 得意 tu maksudnya ape? Sorry baru nak buat hw.  <b>Terjemahan:</b> Rakan-rakan sekalian, <i>deyi</i> (bangga) itu maksudnya apa? Maaf baru hendak mula membuat tugas. (Shafie & Nasir, 2022)
7.	Undangan	Assalamualaikum, AMSIB akan mengadakan 文化节di 北京语言大学。sesiapa yang berminat untuk menjadi sukarelawan, boleh isi borang (LINK) di bawah.  <b>Terjemahan:</b> Assalamualaikum, AMSIB akan mengadakan <i>Festival Kebudayaan</i> di ‘ <i>Beijing Language and Culture University</i> ’. Sesiapa yang berminat untuk menjadi sukarelawan, boleh isi pautan borang di bawah. (Shafie & Nasir, 2022)
8.	Permintaan	<i>Please</i> rujuk semula <i>format</i> karangan jenis syarahan dan ceramah yang telah kita bincangkan sebelum ni, <i>okay</i> . (Kamit & Mohammad, 2022)

## 4. DAPATAN KAJIAN

### 4.1. Jenis Percampuran Kod

#### 4.1.1. Percampuran Kod Dalaman

Hamers dan Blanc (2000) mendefinisikan percampuran kod dalaman sebagai percampuran sesebuah dialek dalam pertuturan. Dalam kajian ini, percampuran kod dalaman melibatkan percampuran bahasa Melayu dengan dialek Melayu Terengganu. Hasil analisis data mendapati terdapat 99 percampuran kod dalaman yang dikenal pasti dalam filem yang berdurasi 1 jam 53 minit tersebut. Berikut merupakan senarai data bagi percampuran kod dalaman dalam filem Polis Evo 3 karya Syafiq Yusof.

Jadual 2. Data bagi percampuran kod dalaman

Data Percampuran Kod Dalaman	
1. Dia memang <i>dok tahang</i> .	2. <i>Dokyah</i> tunggu <i>nikoh</i> pun, susah hati <i>dok</i> fikir abang, <i>dok</i> ada beza pun.
3. <i>Ngarut mung</i> mana ada kena <i>ngena nge</i> aku!	4. Ajal maut ni <i>dok</i> tentu, silap-silap Anis <i>gi</i> dulu.
5. Kita, kita gangster, <i>dok tau</i> kita.	6. <i>Mu</i> ingat serang ku, <i>mu</i> selamat kah?
7. <i>Tobat</i> ku <i>nok wak kijjer ning</i> , <i>mung pahang dok?</i>	8. Dell, <i>bakpe mu</i> lembab sangat, <i>guane-guane</i> pun aku <i>nok natang</i> tu malam ni juga, <i>pahang?</i>
9. Berat <i>natang mung ning</i> .	10. <i>Kalu pahang</i> , <i>wak kijjer selalu!</i>
11. Hahaha <i>boh</i> kita, rilek <i>boh</i> , benda boleh cerita <i>boh</i> huh.	12. <i>Mu</i> sama dengan arwah ayah <i>mu</i> , suka buat aku sakit jantung!
13. <i>Boh, boh, boh</i> , ingat Tuhan <i>boh</i> .	14. Tahulah <i>mok</i> , orang <i>nok nikoh</i> dekat <i>doh kang</i> .
15. <i>Boh! Boh!</i> Kau kena ingat Tuhan <i>boh</i> , kita dua orang je <i>ning</i> , jangan bodo sangat.	16. <i>Kang</i> muka <i>mu pulok</i> ku tumbuk <i>kang!</i>
17. <i>Tego</i> tu <i>wak</i> apa?	18. Jangan <i>duk</i> gatal ahhh, abang tu <i>daroh manih!</i>
19. <i>Tego</i> kau setan!	20. Bukang aku yang gatal, ada orang lain gatal.
21. <i>Mung</i> kata <i>mung tobat wak kijjer ning!</i>	22. <i>Kalu nok mende-mende</i> , <i>nok makang</i> ke, <i>nok minum</i> ke, <i>kabo je</i> ni.
23. Sampai bila <i>nok kijjer gini?</i>	24. <i>Telang</i> mati <i>mok</i> , <i>luoh</i> mati <i>ayoh</i> .
25. <i>Bodo mung</i> , <i>mung tau dok</i> aku <i>nok kahwin</i> kan!	26. <i>Boh</i> kalau Reza datang sini <i>boh</i> , budak-budak patrol ni <i>dok</i> cukup.
27. Tadi <i>mung</i> suruh aku terjun bangunan tingkat tiga!	28. <i>Boh, boh</i> ingat <i>dok</i> masa kes kita <i>duk</i> pulau haritu, berat lagi dari hari <i>ning</i> .
29. Pastu <i>ning, ning, ning</i> mat rempit dari neraka mana <i>pulok mung ajok?</i>	30. Hari <i>ning</i> kita lagi kuat <i>boh</i> , kita lagi kuat.
31. <i>Boh</i> , cabut pintu kita <i>boh</i> , hilang pintu, mana <i>mung?</i>	32. Ermm, <i>dok-dok</i> maksud abang malam pertama tu kita <i>nok</i> solat bersama-sama, abang akan imamkan.
33. <i>Mu caya</i> aku <i>dok?</i>	34. <i>Dok dengo</i> abang cakap tadi <i>dok?</i>
35. <i>Hok</i> geliga <i>sining, ning hok gile</i> , haaa nasib baik <i>dok calor</i> muka ni.	36. Anis <i>dok sedak ati</i> ehh.

37. <i>Nge tok kadi bukang sunat, oh sakit gini.</i>	38. <i>Mu sayang adek ku ke dok?</i>
39. <i>Ehhh, kalu untuk aku, dok macang-macang doh, betul doh mende ye mintok, nikoh je lah</i>	40. <i>Mu sayang Anis ke dok?</i>
41. <i>Mau jadi natang apa budak ning.</i>	42. <i>Mu dokyah cita ikhlas ke dok ikhlas mu sini lah Khai.</i>
43. <i>Ade lebih ning, ingak nok wi ke abang Khai sikek.</i>	44. <i>Aku tambuh dengo.</i>
45. <i>Amboo panjangnya jawab salang.</i>	46. <i>Soalan aku, mu sayang Anis ke dok?</i>
47. <i>Duk tayang puting skapung gitu, kata dok mitok!</i>	48. <i>Tapi kalu mu betul sayang dia, mu dok wak kijjer bodo mu sini!</i>
49. <i>Ade lagi dok orang nok mari ator ning, Anis nok gi jual, kalu dok bazir je.</i>	50. <i>Aku nok jawab mende dengan mok mu Khai?</i>
51. <i>Tau dok aurat semua tu.</i>	52. <i>Khai, mu kena ingat Khai.</i>
53. <i>Tu orang suh gi beli cincing, dok beli lagi.</i>	54. <i>Masaloh mu masaloh aku juga kan.</i>
55. <i>Mu nok baloh dua orang, mu baloh dua orang je lah, jangan libatkan aku.</i>	56. <i>Mu kabo je bom tu ada mana?</i>
57. <i>Ni cincing esok aku boleh cari, ni kereta ni aku basuh sebab esok nok jual, esok jugok aku boleh ator orang, baru betul.</i>	58. <i>Hok tu je mu kena letok dalam pale mu.</i>
59. <i>Peduli jugok, ingat dok peduli.</i>	60. <i>Rima nge kucing.</i>
61. <i>Dok, dok, bukan masaloh tu, masaloh sekarang ni aku pelik ni, macam mana mu boleh terima adek aku, sedangkan aku pun dokleh terima adek aku.</i>	62. <i>Za, dokyah nok hasutlah, dok makang.</i>
63. <i>Hahaha molek sikit boh, kita sampai sini dah ni, mu pengapit mu kena pilih ni.</i>	64. <i>Khai, Khai! mu tau dok, dia akan bunuh Anis, mu tau dok?</i>
65. <i>Ehhh, dok pernah peluru masuk dalam badan ku sebelum ku kenal mu.</i>	66. <i>Aku dokleh buang masa gini Khai, tunggu adik aku mati gini Khai.</i>
67. <i>Ehh boh, molek sikit boh, harga kat pale tu boh.</i>	68. <i>Dokleh bang, dokleh gini, dok kang Anis nok biar orang laing mati sebab Anis.</i>
69. <i>Ehhh banyak lagi hok laing dalang ning, tu, tu, banyak lagi harga-harga laing.</i>	70. <i>Mu jangan sebut nama hok mu dok layak mu sebut!</i>
71. <i>Kalu abang nok hok muroh, kita pun banyak tu ohhh.</i>	72. <i>Mu jangan jadi bodo Anis.</i>
73. <i>Sekali ku pahang mari mano gilo mu tu, nasib baik mu ikut aku, kalu dok ke laut doh mu.</i>	74. <i>Abang Khai, Anis nok abang tau yang Anis dok nyesal kenal dengan abang.</i>
75. <i>Banyak lagi ni hah, bila nok habih ni?</i>	76. <i>Kalu hok ning mu pilih tembaklah.</i>
77. <i>Ermmm anak mok dengan anak Cik Sa, jadi ke dok, dok tau.</i>	78. <i>Aku terima nikohnya Khadijah binti Kassim dengan mas kahwin semilang, semilang, semilang tunai.</i>
79. <i>Hahahaha, dulu sedak sangat duk kata kat aku, tengok hari ini sape nikoh dulu.</i>	80. <i>Tahulah polis, semilang, semilang, semilang pulok dia.</i>
81. <i>Tinggal je jakgi kita buat.</i>	82. <i>Ehh, bakpe pulok aku hok terima nikoh.</i>
83. <i>Anis nok gi pasar malang ni, beli barang, nok ikut dok?</i>	84. <i>Dakpe abah, dakpe abah.</i>
85. <i>Pasar malang je pun.</i>	86. <i>Belung abah mu lagi.</i>
87. <i>Dok, dok, dok, dok gi gatal dua orang,</i>	88. <i>Anis mende, cakak tu boleh dok beghabih!</i>

nanti ada orang ketiga iaitu setan.	
89. Tapi <i>boh</i> , setan tu <i>nge boh dok</i> ada beza pun.	90. Ya lah, selesai <i>doh</i> belaka.
91. <i>Hok</i> ni Sani, <i>hok</i> ni <i>belung</i> selesai lagi.	92. <i>Mu</i> kena <i>tobat</i> , <i>mu</i> kena <i>tobat</i> , <i>mu</i> kena <i>tobat</i> , <i>mu</i> kena <i>tobat</i> dari <i>wak kijjer gile</i> <i>mu</i> tu mengancam nyawa orang ramai, lepastu huru harakan Malaysia, keranamu Malaysia huru hara, <i>mu tau dok?</i>
93. Ke kita <i>hok</i> salah, sebab <i>dok</i> <i>mikir</i> masa depan dengan abang.	94. Ahhh <i>gerang</i> aku, ini semua kerana <i>mu tau dok?</i>
95. <i>Mu cakak</i> pun jenis <i>dok abih</i> , <i>jakgi</i> abang <i>kabo</i> je lah.	96. Lagi huru hara hidup aku ni, itu pun aku <i>nok ngadap mu</i> sebagai <i>adek</i> iparku, memang <i>dok</i> lah.
97. <i>Bakpe</i> abang biar Anis <i>duk</i> terikat lama-lama <i>gini</i> .	98. Khai, <i>dok</i> ada orang <i>doh hok</i> layak jadi <i>adek</i> ipar aku, <i>mu</i> Khai.
99. <i>Cakak</i> tu biar <i>beghabih</i> boleh <i>dok?</i>	

#### 4.1.2. Percampuran Kod Luaran

Percampuran kod luaran atau *outer code mixing* ialah jenis percampuran kod yang paling kerap digunakan oleh watak-watak dalam filem ini. Menurut Hamers dan Blanc (2000), percampuran kod luaran merujuk kepada percampuran dua jenis bahasa dalam satu pertuturan. Dalam kajian ini, percampuran kod luaran melibatkan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Bagi percampuran kod luaran pula, hasil analisis data mendapati sepanjang 1 jam 53 minit filem ini dimainkan terdapat 101 data percampuran kod luaran yang dikenal pasti.

Jadual 3. Data bagi percampuran kod luaran

Data Percampuran Kod Luaran	
1. <i>Sorry</i> Chao, tempat ni berhabuk.	2. Lepastu nak <i>complain</i> gemuk.
3. Minggu ni je, dua kali mak kena <i>raided</i> , tahu tak?	4. Tadi Sani sudah <i>call</i> saya jerit-jerit, sekarang dia hantar <i>muscle</i> apahal?
5. Semua lepas korang <i>join</i> .	6. Saya tahu awak cemas, <i>right?</i>
7. Mak nak kau tembak dia, mak nak kau bukti dekat mak yang kau ni <i>gangster</i> bukan polis.	8. Tapi benda macam ni mengambil masa lah, mesin, <i>you know</i> , and saya kena buat manual satu per satu, <i>phone</i> Gaya saya kena <i>check</i> dia punya <i>call log</i> , <i>you know</i> , kena <i>matching</i> dengan <i>movement crime scene</i> Reza, <i>you</i> tahu kan Banting, Muar, Penang and then baru-baru ini KT, <i>okay</i> tapi ada <i>progress</i> , kita boleh pastikan yang kelima-lima <i>phone</i> ni.
9. Fadil, Fadil, lepasni kau tak payah jadi <i>pusher</i> dah tau, kau jadi <i>assistant</i> mak ehh, <i>personal assistant</i> ehh.	10. <i>No, no, its okay</i> , meja saya biasa banjir, itu dokumen tidak pentinglah.
11. Orang pakai <i>vest</i> tak boleh peluru, bukan suruh kena peluru!	12. Entahlah, tak apa, <i>sorry</i> kacau Anis tidur.
13. Hahahaha kita ni <i>enjoy-enjoy</i> juga, kena ingat mengucap, kena ingat Tuhan.	14. Sebab aku sayang <i>family</i> kita aku buat semua ni, aku kenal sangatlah dengan dia ni, dia dah <i>target family</i> kita!

15. Apa semua ni, korang ingat korang <i>gangster</i> ?	16. <i>Phone</i> Reza dah bocor, <i>last contact</i> dia dengan Gaya, 20 kilo Semtex, sekarang kita nak tahu kat mana dia letak bom tu.
17. Kalau pengsan kejap, <i>okay</i> tak?	18. Tu semua memang <i>plan</i> kita orang, kamu tahu kan, aku dengan Khai memang kacip.
19. Fasola, barang <i>on the way</i> .	20. <i>Update</i> pasal Farah, <i>update</i> pasal Farah!
21. Kau ada <i>idea</i> lain ke?	22. Tanya apa nak <i>update</i> !
23. <i>Shopping</i> jap.	24. Biru, <i>roger</i> !
25. <i>Brake</i> tak makan ni!	26. Kau dengan aku tak ada beza, kita <i>family</i> man, sekarang ni aku tanya, apa yang kau sanggup buat kalau apa-apa jadi pada mak kau, Anis, Yati?
27. <i>Get down! Get down! Get down</i> sekarang!	28. <i>Okay</i> , kalau kita ikut <i>triangulation phone</i> Reza <i>forty eight hour ago</i> ah, bom itu dalam bangunan ini.
29. Aku pasal fam... <i>family</i> ni, aku...tak payahlah, bercakap dengan kau, bukan kau faham pun.	30. Bangunan tu besar Dell, kalau dia <i>set</i> bom dalam tu tak jahanam kita.
31. Tunggu abah kejap <i>okay</i> , kejap je.	32. <i>Okay</i> , kalau saya <i>match</i> dengan <i>signal strength phone</i> dia, agakkan saya yang paling tepat, tingkat tengah, <i>okay</i> ?
33. Kalau kau jujur, bom yang lagi satu tu, <i>family</i> kau selamat, tak pun kau cucur je anak dan isteri kau dan ramai orang awam akan selamat, pilih tanggungjawab engkau pada siapa.	34. <i>Bravo</i> tiga-dua <i>clear</i> !
35. Kau nak suruh aku tangkap peluru untuk kau pun <i>settle</i> .	36. <i>Bravo</i> dua-dua <i>clear</i> !
37. Dia ni <i>uncle</i> , hah <i>uncle</i> salah orang ni, ni bukan dia.	38. <i>Eagle</i> , banduan berdarah!
39. Dia kata ni <i>limited edition</i> , sepuluh tahun sekali baru keluar.	40. PTV Banduan, please <i>respond</i> , berhenti sekarang!
41. IPK <i>call</i> , jom.	42. Aku bukan macam engkau, aku nak kau <i>call</i> isteri kau, aku nak bagi kau peluang, peluang yang kau tak pernah bagi pada aku.
43. Dell, dah <i>settle</i> korek belum?	44. <i>Okay</i> , <i>facial recognition</i> jalan.
45. Sudah <i>whatsapp</i> semalam mah.	46. <i>Copy</i> , aku tengah <i>ricky</i> .
47. Aku dah <i>muted</i> kau, banyak sangat video tiktok.	48. <i>Come on, come on</i> encik bom, <i>where are you hiding</i> .
49. Daging import, sedikit besar ni.	50. Start dah <i>game</i> dia.
51. Saya baru balik daripada Penang, tempat letupan semalam, <i>radius</i> dengan letupan memang sah, Semtex, jenis askar Thailand suka pakai, barang <i>rare</i> macam ni memang susah orang nak cari.	52. Dell, kau ada tak <i>check</i> CCTV kat sini?
53. Modus operandi dia guna <i>phone</i> , dia <i>contact client</i> dia melalui itu, tugas kita, masuk ke tempat dia, sekup semua phone tu, kemudian kita <i>track phone-phone</i> tu	54. Sedang <i>checking</i> lah, <i>station</i> Bukit Bintang lah kawan, berlambak muka saya kena <i>scan</i> .

semua sampai kita dapat jejak Reza.	
55. <i>Chief</i> , kita orang <i>clear</i> dah Marjina?	56. Kita orang dah jumpa Anis, dekat <i>food truck</i> depan McD, bayang Reza tak nampak tapi ada CCTV kat sini, korang <i>cover</i> kita orang.
57. Marjina <i>in position</i> , Kasim, air tenang tak ada buaya.	58. Hei, mana adil macam tu, letak <i>comm set</i> korang dalam <i>cup</i> tu.
59. 10 minit sebelum <i>guard rotation</i> , ingat <i>mission</i> kita, <i>in</i> lepas tu <i>out</i> , macam pelesit.	60. Guys, aku rasa aku dah jumpa, dalam <i>shelf aircond</i> .
61. <i>Confirm</i> kah Reza Tuan?	62. Jadi inspektor, pilihan di tangan inspektor untuk selamatkan Cik Anis yang manis mau pun orang awam, pilih tanggungjawab inspektor dengan tepat, <i>timer</i> bermula sekarang.
63. Reza dan Khai dulu <i>partner</i> ?	64. Aku dah jumpa pakej, <i>disarm</i> sekarang!
65. Ada satu <i>phone</i> lagi.	66. <i>Twin cut</i> sepuluh saat?
67. Tango tengah masuk, paling <i>common</i> dua belas orang, korang kena keluar ikut balkoni sekarang!	68. <i>Twin</i> kembar.
69. Ini mungkin <i>phone</i> Reza.	70. Dani! Dani! Dani! <i>Come in</i> , jangan potong dulu, bom itu bersambung.
71. Kalau <i>phone last</i> yang saya ambik tadi tu memang benar <i>phone</i> Reza, tak ke lagi jahanam jadinya.	72. Aku ada masalah lagi besar ni, Reza ada sebiji mata dekat sini, dia nampak je aku dia <i>triggered</i> ni.
73. Memang bolot sikit lah tadi, tapi tuan bayangkan kalau <i>phone</i> terakhir <i>phone</i> Reza lepastu Khai tak ambik, memang sia-sia operasi kita tadi Tuan.	74. Aaaa <i>signal</i> hitam, cuba kau tengok.
75. Dell, kopak semua <i>phone</i> tu, dapat je <i>location</i> Reza, kita terus gerak!	76. Kita kena <i>distract</i> Reza.
77. Ni surat <i>catering</i> abang, ehh tempahlah deposit cepat-cepat, kita dah nak <i>book</i> dah ni.	78. Ini <i>game</i> dia, dia nak kita hadap apa yang dia pernah hadap sebelum ni
79. Mahal sebelas ribu tu, ni, ni, ni, kalau kata harga gitu, baik kita suruh Khai je sembelih lembu, suruh dia sembelih dua ekor, pastu orang kampung lalu je ambik lagi, kita buat <i>drive thru</i> .	80. Dia dengan <i>game</i> dia boleh gi mampus lah, ini nyawa adik aku ni.
81. IED, amonium nitrat, tiga tong, lima puluh lima galon, C4 cas, dua belas kilo, <i>timer</i> 7 minit, benda ni kalau meletup, hancur satu bangunan ni, EOD, tuan.	82. Anis, Anis bertenang <i>okay</i> ?
83. <i>Copy</i> tuan.	84. Dell, <i>timer</i> dah nak habis ni!
85. Minta <i>evac order</i> !	86. Aku pernah tembak <i>partner</i> aku jangan ingat aku takkan buat lagi!
87. Inspektor Shan, EOD Bukit Aman, boleh awak <i>describe</i> IED tu?	88. Sikit je sebab abang pakai <i>vest</i> macam Anis.
89. <i>Timer digital</i> , coklat, hijau dengan biru.	90. Dani <i>you copy</i> tak?
91. Dorang <i>call</i> saya tuan, sekarang ni Farah ada dengan dorang Tuan!	92. <i>Copy</i> Dell, aku <i>on the way</i> , <i>on the way</i> .

93. Faizal, kau dengar sini, aku dah dapat <i>trace call</i> tu, aku dah hantar satu <i>team</i> orang kita ke sana.	94. Dani <i>cover</i> aku, aku nak masuk.
95. Tapi biarlah Farouk <i>settle</i> kan Farah, kita fokus kat sini!	96. Dani <i>cover</i> dorang!
97. Khai, Khai dengar sini, ini <i>direct line</i> , kau dengan aku je Khai.	98. <i>Sorry, sorry</i> , minta maaf ehh.
99. Dalam bangunan tu ada 300 nyawa, memang tidak sempat nak <i>evac</i> , 300 nyawa Khai!	100. <i>Okay</i> , kalau macam tu, Inspektor Hasani aku nak ucapkan terima kasih banyak-banyak sepanjang kita berkenalan, sepanjang lima tahun kita bersama.
101. Sebab <i>you</i> beli pau kan, <i>thank you</i> .	

## 4.2 Fungsi Percampuran Kod

Dapatan yang diperoleh daripada filem Polis Evo 3 (2023) karya Syafiq Yusof mendapati watak-watak filem menukarkan kod mengikut beberapa fungsi. Data-data yang diperoleh dalam kajian ini telah dikategorikan menggunakan teori Muysken (2000) yang mengklasifikasikan percampuran kod kepada lapan bentuk fungsi. Namun begitu, dalam kajian ini hanya tujuh fungsi sahaja yang dikaji, manakala fungsi pengesahan tidak ditemui dalam kajian ini. Berikut merupakan pecahan jumlah percampuran kod mengikut fungsi.

Jadual 4. Pecahan jumlah percampuran kod (PK) mengikut fungsi

Fungsi	PK Dalaman	PK Luaran	Jumlah Keseluruhan
1. Pernyataan	34	29	63
2. Pemberitahuan	20	25	45
3. Sindiran	22	11	33
4. Pengesahan	-	-	-
5. Ucapan Selamat dan Galakan	0	3	3
6. Pertanyaan	16	16	32
7. Undangan	1	1	2
8. Permintaan	6	16	22
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			200

Jadual 4 memperincikan jumlah keseluruhan 200 PK yang berlaku dalam filem Polis Evo 3 dengan pecahan kepada dua kategori utama, iaitu PK Dalaman dan PK Luaran. Analisis ini menunjukkan bahawa fungsi pernyataan mencatatkan bilangan tertinggi percampuran kod iaitu sebanyak 63 ayat dengan 34 daripadanya merupakan PK Dalaman dan 29 PK Luaran. Untuk fungsi pemberitahuan pula juga mencatatkan bilangan yang tinggi iaitu 45 ayat yang terdiri daripada 20 PK Dalaman dan 25 PK Luaran.

Sementara itu, bagi fungsi sindiran pula mencatatkan jumlah sebanyak 33 ayat dengan 22 ayat dalam PK Dalaman dan 11 ayat dalam PK Luaran. Menariknya, bagi fungsi pengesahan pula, tiada sebarang percampuran kod ditemui atau direkodkan sama ada dalaman mahupun luaran. Seterusnya, fungsi ucapan selamat dan galakan pula hanya mencatatkan tiga ayat yang tergolong dalam PK Luaran tanpa sebarang PK Dalaman. Sebagai contoh, ayat “*Okay*, kalau macam tu, Inspektor Hasani aku nak ucapkan terima kasih banyak-banyak sepanjang kita berkenalan, sepanjang lima tahun kita bersama” dan “*Sorry, sorry*, minta maaf ehh.” merupakan contoh bagi ayat yang tergolong dalam fungsi ucapan selamat dan galakan.

Fungsi pertanyaan pula memperlihatkan keseimbangan data antara PK Dalaman dan PK Luaran iaitu masing-masing dengan 16 ayat menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 32 ayat. Bagi fungsi

undangan pula, hanya dua ayat dicatatkan masing-masing satu PK Dalam dan satu PK Luar. Akhir sekali, bagi fungsi permintaan pula mencatatkan 22 ayat dengan 6 ayat tergolong dalam PK Dalam dan 16 ayat dalam PK Luar. Secara keseluruhannya, jadual ini memperlihatkan bahawa percampuran kod merupakan fenomena yang digunakan secara meluas dalam pelbagai fungsi komunikasi, terutamanya dalam pernyataan, pemberitahuan dan pertanyaan.

#### 4.2.1. Fungsi Pernyataan

Di bawah fungsi pernyataan, watak-watak dalam filem menggunakan percampuran kod untuk menyampaikan kenyataan, pandangan, maklumat dan luahan emosi secara langsung kepada watak lain.

Jadual 5. Percampuran kod bagi fungsi pernyataan

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
Dia memang <i>dok tahang</i>	<i>Sorry Chao</i> , tempat ni berhabuk
Kita, kita gangster, <i>dok tau</i> kita	Aku dah <i>mute</i> kau, banyak sangat video tiktok

Jadual 5 menunjukkan fungsi pernyataan yang terdapat dalam ayat dalam filem. Misalnya, ayat “Dia memang *dok tahang*” digunakan oleh Sani untuk menyatakan bahawa sahabatnya, iaitu Khai tidak tahan dengan habuk yang menyebabkan Khai bersin. Begitu juga dengan ayat “Kita, kita gangster, *dok tau* kita” yang digunakan oleh Sani untuk menafikan identitinya sebagai seorang polis ketika ditanya oleh Chao, iaitu ketua gangster. ayat “*Sorry Chao*, tempat ni berhabuk” digunakan oleh Sani untuk menyatakan bahawa keadaan sesuatu tempat dalam keadaan yang berhabuk. Seterusnya, ayat “Aku dah *mute* kau, banyak sangat video tiktok” digunakan untuk menyampaikan tindakan yang telah dilakukan oleh Julie terhadap rakannya Dell.

#### 4.2.2. Fungsi Pemberitahuan

Di bawah fungsi Pemberitahuan pula, watak-watak menggunakan percampuran kod untuk menyampaikan maklumat atau berita tertentu kepada individu di sekeliling mereka sama ada dalam bentuk peringatan, penjelasan, pendedahan maklumat atau pemakluman mengenai sesuatu perkara yang telah, sedang atau akan berlaku.

Jadual 6. Percampuran kod bagi fungsi pemberitahuan

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
Abang Khai, Anis <i>nok</i> abang <i>tau</i> yang Anis <i>dok nyesal</i> kenal dengan abang	Minggu ni je, dua kali mak kena <i>raided</i> tahu tak.

Bagi percampuran kod dalaman, contoh ayat seperti “Abang Khai, Anis *nok* abang *tau* yang Anis *dok nyesal* kenal dengan abang” menunjukkan watak Anis yang menyampaikan perasaannya melalui pemberitahuan yang bersifat emosi kepada Khai. Bagi percampuran kod luaran pula, ayat seperti “Minggu ni je, dua kali mak kena *raided* tahu tak.” menunjukkan watak Chao memberitahu maklumat tentang kejadian yang sudah berlaku kepada watak Sani dan watak Khai.

#### 4.2.3. Fungsi Sindiran

Fungsi Sindiran dalam percampuran kod merujuk kepada penggunaan bahasa oleh watak-watak dalam filem bagi menyampaikan teguran atau kritikan secara tidak langsung melalui kata-kata yang tajam, pedas, atau bersifat menyindir.

Jadual 7. Percampuran kod bagi fungsi Sindiran

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
<i>Amboo</i> panjangnya jawab <i>salang</i>	Semua lepas korang <i>join</i>

Bagi percampuran kod dalaman, contoh ayat seperti “*Amboo* panjangnya jawab *salang*” pula digunakan oleh watak Anis untuk memperlekehkan cara watak Khai menjawab salam watak Mimi. Bagi percampuran kod luaran pula, ayat seperti “Semua lepas korang *join*” digunakan oleh watak Chao untuk menyindir kehadiran watak Khai dan watak Sani dalam kumpulannya yang menyebabkan dadahnya hilang.

#### 4.2.4 Fungsi Ucapan Selamat dan Galakan

Fungsi Ucapan Selamat dan Galakan dalam percampuran kod merujuk kepada penggunaan bahasa oleh watak-watak dalam filem untuk menyampaikan ungkapan positif seperti ucapan terima kasih, permohonan maaf, kata-kata penghargaan atau bentuk sokongan dan dorongan.

Jadual 8. Percampuran kod bagi fungsi ucapan selamat dan galakan

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
	<i>Okay</i> , kalau macam tu, Inspektor Hasani aku nak ucapkan terima kasih banyak-banyak sepanjang kita berkenalan, sepanjang lima tahun kita bersama.

Ayat seperti “*Okay*, kalau macam tu, Inspektor Hasani aku nak ucapkan terima kasih banyak-banyak sepanjang kita berkenalan, sepanjang lima tahun kita bersama” digunakan oleh Sani sebagai ungkapan penghargaan dan perpisahan kepada sahabatnya Khai. Penggunaan kata “*okay*” dan ungkapan penuh emosi dalam ayat ini mencerminkan nilai sentimental yang cuba disampaikan dalam situasi yang penuh makna. Ayat ini menunjukkan bahawa percampuran kod digunakan untuk mengukuhkan nilai emosi dan penghormatan, terutamanya apabila watak ingin menyampaikan sesuatu yang menyentuh hati dalam bentuk yang lebih santai dan semula jadi.

#### 4.2.5. Fungsi Pertanyaan

Di bawah fungsi Pertanyaan pula, percampuran kod digunakan oleh watak-watak dalam filem untuk mengemukakan soalan, bertanya pendapat, mendapatkan penjelasan, atau menzahirkan kekeliruan terhadap sesuatu situasi.

Jadual 9. Percampuran kod bagi fungsi pertanyaan

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
<i>Tobat</i> ku <i>nok wak kijjer</i> ni, <i>mung pahang dok?</i>	Apa semua ni, korang ingat korang <i>gangster?</i>

Bagi percampuran kod dalaman, contoh ayat seperti “*Tobat* ku *nok wak kijjer* ni, *mung pahang dok?*”, watak Sani bertanya kepada watak Khai secara sinis sama ada watak Khai memahami beban kerjanya. Bagi percampuran kod luaran pula, ayat seperti “Apa semua ni, korang ingat korang *gangster?*” merupakan pertanyaan bersifat konfrontasi yang menggunakan nada sinis. Pertanyaan ini telah diajukan oleh watak Khai apabila dia berhadapan dengan ahli kumpulan samseng.

#### 4.2.6. Fungsi Undangan

Di bawah fungsi Undangan, percampuran kod digunakan untuk memberi jemputan atau pelawaan kepada watak lain dalam dialog. Pelawaan ini boleh berupa ajakan secara langsung untuk menyertai sesuatu aktiviti atau tindakan dan sering kali disampaikan dalam bentuk pertuturan santai dan tidak formal.

Jadual 10. Percampuran kod bagi fungsi undangan

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
Anis <i>nok gi</i> pasar <i>malang</i> ni, beli barang, <i>nok</i> ikut <i>dok</i> ?	IPK <i>call</i> , jom.

Bagi percampuran kod dalaman, contoh ayat seperti “Anis *nok gi* pasar *malang* ni, beli barang, *nok* ikut *dok*?” merupakan pelawaan santai daripada watak Anis kepada watak Khai untuk menemaninya ke pasar malam. Dalam ayat ini, penggunaan dialek Terengganu seperti “*gi*” (pergi) dan “*dok*” (tidak) menunjukkan suasana mesra dan rapat antara penutur dan penerima pelawaan. Ia mencerminkan bentuk undangan yang tidak bersifat formal, namun tetap menunjukkan niat baik untuk melibatkan orang lain dalam sesuatu aktiviti. Sementara itu, bagi percampuran kod luaran pula iaitu dengan ayat “IPK *call*, jom.” menunjukkan satu pelawaan yang ringkas namun jelas yang juga membawa unsur desakan ringan atau seruan segera untuk bertindak. Perkataan “jom” digunakan secara meluas dalam komunikasi seharian di Malaysia sebagai ajakan, manakala kata “IPK *call*” yang merujuk kepada ibu pejabat kontinjen, memberikan konteks bahawa pelawaan itu berkaitan urusan rasmi atau tugas sebagai seorang pegawai polis.

#### 4.2.7. Fungsi Permintaan

Di bawah fungsi Permintaan, percampuran kod ini digunakan untuk menyampaikan permintaan seperti meminta bantuan, perhatian, maklumat atau tindakan tertentu daripada watak lain.

Jadual 11. Percampuran kod bagi fungsi permintaan

Percampuran Kod Dalam	Percampuran Kod Luar
<i>Mu nok</i> balah dua orang, <i>mu</i> balah dua orang je lah, jangan libatkan aku.	Dell, kopak semua <i>phone</i> tu, dapat je <i>location</i> Reza, kita terus gerak!

Bagi percampuran kod dalaman, contoh ayat seperti “*Mu nok* balah dua orang, *mu* balah dua orang je lah, jangan libatkan aku.” menunjukkan permintaan oleh watak Sani agar watak Khai tidak melibatkan dia dalam konflik yang berlaku antara adiknya dengan watak Khai. Bagi percampuran kod luaran pula, ayat seperti “Dell, kopak semua *phone* tu, dapat je *location* Reza, kita terus gerak!” ialah merupakan permintaan strategik oleh watak Farouk yang merupakan Ketua Unit kepada watak Dell untuk mengopok telefon dalam sesuatu misi atau operasi.

### 5. PERBINCANGAN

Kajian ini lebih tertumpu kepada fenomena percampuran kod dalam filem yang menggunakan dialek. Kajian ini mengkaji bahasa atau dialek yang digunakan apabila berlakunya percampuran kod, jenis percampuran kod dan meneliti fungsi percampuran kod. Kajian ini menggunakan dua kerangka teori, iaitu teori Hamers dan Blanc (2000) dan teori Muysken (2000). Hasil daripada kajian ini, terbukti bahawa fenomena percampuran kod ini hadir dalam medium perfileman khususnya dalam filem Polis Evo 3.

Percampuran kod boleh berlaku dalam jenis dalaman dan luaran. Percampuran kod yang berlaku secara dalaman melibatkan percampuran bahasa Melayu dengan sesebuah dialek dan percampuran kod yang berlaku secara luaran pula melibatkan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa asing. Analisis terhadap dialog dalam filem ini mendapati bahawa jumlah percampuran kod luaran adalah lebih dominan dengan jumlah penggunaannya lebih tinggi berbanding dengan percampuran kod dalaman, iaitu sebanyak 101 data. Hasil kajian ini bersamaan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Bakar dan Dahlan (2018) yang melakukan kajian percampuran kod dalam filem *J Revolusi*.

Percampuran kod juga mempunyai fungsi yakni untuk pernyataan, pemberitahuan, sindiran, pengesahan, ucapan selamat dan galakan, pertanyaan, undangan, dan permintaan (Musyken 2000). Penggunaan teori ini sangat signifikan dalam mengkategorikan fungsi percampuran kod mengikut konteks ujaran secara jelas dan tepat. Dalam kajian ini, didapati bahawa tidak semua lapan fungsi yang diperkenalkan digunakan sepenuhnya dalam dialog dan pengkaji mendapati hanya tujuh fungsi yang kerap muncul. Fungsi pengesahan tidak ditemui dalam filem ini. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh filem lebih menekankan tindakan dan konflik berbanding dengan keabsahan maklumat. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Shafie dan Nasir (2022) yang menjalankan kajian berkaitan corak penggunaan percampuran kod dalam kalangan pelajar Malaysia di China.

Kebanyakan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan percampuran kod banyak dilakukan dalam kajian penulisan seperti kajian novel yang dilakukan oleh Mahmor et al. (2016), Hariani dan Matondang (2021) dan Yusnan et al. (2020). Ada juga kajian yang dilakukan dalam kajian filem tempatan seperti kajian Bakar dan Dahlan (2018), Suryani dan Sopian (2019) dan Halim et al. (2020). Secara keseluruhan, dapatan kajian ini yang mengetengahkan penggunaan PK bahasa Melayu, Inggeris dan dialek tempatan dalam satu filem pecah panggung memberikan satu kelainan kepada kajian yang meneliti fenomena PK. Penggunaan dialek tempatan dalam filem yang dikaji menyerlahkan fenomena penggunaan bahasa dalam negara kita yang mempunyai kepelbagaian bahasa dan dialek. Kajian ini memberikan satu gambaran jelas bagaimana bahasa dan dialek dalam negara kita digunakan oleh masyarakat yang berbilang bangsa, dalam pelbagai situasi termasuk dalam skrip perfileman.

## **7. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya memenuhi dua objektif utama yang telah ditetapkan, iaitu mengenal pasti jenis percampuran kod yang digunakan dalam filem *Polis Evo 3* dengan menggunakan teori Hamers dan Blanc (2000), dan menganalisis fungsi percampuran kod yang terdapat dalam dialog filem tersebut berdasarkan kerangka teori Muysken (2000). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jenis percampuran kod berlaku dalam filem ini, yakni percampuran kod luaran yang melibatkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dan percampuran kod dalaman yang melibatkan bahasa Melayu dengan dialek Terengganu. Kajian ini juga mendapati bahawa percampuran kod luaran lebih dominan berbanding percampuran kod dalaman dan hal ini mencerminkan realiti masyarakat bandar yang semakin terbuka kepada penggunaan dwibahasa dalam kehidupan dan komunikasi seharian mereka. Namun begitu, kewujudan percampuran kod dalaman juga penting kerana ia menggambarkan identiti tempatan dan nilai kebudayaan yang masih utuh dalam pertuturan, khususnya bagi watak-watak yang mewakili masyarakat Pantai Timur seperti masyarakat yang berasal dari negeri Terengganu. Sementara itu, fungsi-fungsi percampuran kod yang dikenal pasti dalam filem ini juga adalah pelbagai. Antaranya termasuklah fungsi pernyataan, pertanyaan, sindiran, pemberitahuan, pengesahan, dan permintaan. Fungsi-fungsi ini bukan sahaja mencerminkan strategi watak-watak dalam menyampaikan mesej tetapi juga memperlihatkan penggunaan unsur bahasa digunakan secara fleksibel untuk mencipta kesan yang dramatik, emosi serta humor yang relevan dengan jalan cerita dan latar sosial filem tersebut. Secara tidak langsung, kajian ini menunjukkan bahawa percampuran kod tidak semata-mata berlaku secara rawak atau tidak disengajakan, sebaliknya ia merupakan satu strategi yang mempunyai tujuan dan makna yang tersendiri dalam perbuatan sesebuah filem.

## CONFLICT OF INTEREST

We declare no conflict regarding the publication of the study

## RUJUKAN

- Azahari, N. K., & Mohamad, N. H. S. (2023). Bridging identities: Analysing code-mixing in Yuna's conversation with a local Malaysian activist. *Journal for the Study of English Linguistics*, 11(1), 52–69. <https://doi.org/10.5296/jsel.v11i1.21291>
- Bakar, M. S. A., & Dahlan, N. A. D. (2018). Percampuran kod bahasa di dalam filem: Satu kajian kualitatif terhadap filem J Revolusi (2017). *E-Academia Journal*, 7(2), 107–121. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/86513/1/86513.pdf>
- Begum, M. (2023, June 19). "Polis Evo 3" earns RM50mil at box office in 24 days, is now highest-grossing Malaysian action-comedy movie. The Star. <https://www.thestar.com.my/lifestyle/entertainment/2023/06/19/039polis-evo-3039-earns-rm50mil-at-box-office-in-24-days-is-now-highest-grossing-malaysian-action-comedy-movie>
- Bokamba, E. G. (1989). Are there syntactic constraints in code-mixing?. *World Englishes*, 8(3), 277-292. <https://doi.org/10.1111/j.1467-971X.1989.tb00669.x> Digital Object Identifier (DOI)
- Chen, K. H. Y. (2005). The social distinctiveness of two code-mixing styles in Hong Kong. In Cohen, J., McAlister, K. T., Rolstad, K., & MacSwan, J. (Eds.), *Proceedings of the 4th international symposium on bilingualism* (hlm. 527-541). Cascadilla Press.
- Hakim, M. S., Raof, N. A. A., & Ma'alip, S. (2021) Percampuran kod dalam kalangan peniaga dalam talian di Instagram. *Jurnal Melayu, Isu khas*, 579-601.
- Halim, A., Natasha, N. I., & Nahar, N. A. (2020). Percampuran kod dalam filem "Paskal The Movie". *International Young Scholars Journal of Languages*. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/86719>
- Hamers, J. F. & Blanc, H. A. (2000). *Bilinguality and bilingualism*. Cambridge University Press.
- Hoffman, C. (1991). *Introduction to Bilingualism*. Routledge.
- Hsia, H. (2023, June 6). "Polis Evo 3" breaks RM30 million at the box office. *Cinema.com.my*. [https://www.cinema.com.my/articles/news\\_details.aspx?search=2023.n.polisevo330mil\\_64465](https://www.cinema.com.my/articles/news_details.aspx?search=2023.n.polisevo330mil_64465)
- Jabatan Peguam Negara. (2010). *Perlembagaan persekutuan* (Cetakan semula). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2012, Mac 28-29). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif* [Paper Presentation]. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Melaka, Malaysia.
- Jonit, R. (2007). Pengisian budaya dalam filem Melayu. *Jurnal Skrin Malaysia*, 4, 137-150. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/11614>
- Kamit, D., & Mohammad, W. M. R. W. (2022). Percampuran kod guru bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4, 475–486. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.38>
- Kanthimathi, K. (2007). *Mixing mother tongue and English: Exploring the reasons and functions of code mixing*. In The Second Biennial International Conference on Teaching and Learning of English in Asia: Exploring New Frontiers (TELiA2), 14-16 June 2007, Holiday Villa Beach & Spa Resort, Langkawi.
- Mahmor, N. A., Mansor, N., & Ahmad, F. (2016). "Hahaha.. Cool Gila Kau Punya Acting Ariana...": Percampuran kod dalam novel "The Wedding Breaker.". *Journal of Education and Social Sciences*, 4(6), 192–200. <http://jesoc.com/issue/volume-4-june-2016-issue-2/>
- Matondang, S. A., & Hariani, S. (2021). Campur kode di dalam novel Sang Pemimpi. *Parafrese: Jurnal Kajian Kebahasaan dan Kesusasteraan*, 21(1), 1–9. <https://doi.org/10.30996/parafrese.v21i1.3501>
- Moleong, J. L. (2010). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Remaja Rosdakarya.
- Muysken, P., & Muysken, P. C. (2000). *Bilingual speech: A typology of code-mixing*. Cambridge University Press.
- Noor, M. Y. M., & Suhaimi, M. S. (2021). Percampuran kod dialek ekspresif dalam filem Polis Evo. *International Young Scholars Journal of Language*, 4(1), 105–123. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/91467>
- Shafie, M. Z. M., & Nasir, Z. M. (2022). Corak penggunaan percampuran kod dalam kalangan pelajar Malaysia di China. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*, 4(2), 15–29.

- Suryani, R., & Sopian, I. (2019). Alih kode dan campur kode pada naskah drama Kabayan Mencari Cinta karya Salsabila Piriyaniti. *Parole: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 165–170. <https://journal.ikipsiliwangi.ac.id/index.php/parole/article/view/1997>
- Thongsombat, K., Sangsuwan, C., & Suwannatrai, L. (2021). A study of thai-english code-mixing and code-switching in Golfdigest magazine. *Rajapark Journal*, 5(39), 1–14. <https://so05.tci-thaijo.org/index.php/RJPJ/article/view/24798>
- Wahab, N. I. A. (2023). *Penerapan bahasa halus dalam filem Melayu klasik terpilih tahun 60-an: Lambang kesantunan masyarakat Melayu* [Degree's thesis, Universiti Malaysia Kelantan]. <http://discol.umk.edu.my/13041/1/Nor%20Izzah%20A.%20Wahab.pdf>
- Yusnan, M., Kamasiah., Iye, R., Karim., Harziko., & Bugis, R. (2020). Alih kode dan campur kode pada novel Badai Matahari Andalusia karya Hary El-parsia. *Uniqbu Journal of Social Sciences*, 1(1), 1–12. <https://doi.org/10.47323/ujss.v1i1.3>